

14/11/1999

Niat buruk media asing terserlah

MEDIA massa Barat mengiktiraf memutar belit, mengubah dan memanipulasikan sumber maklumat terutama di negara membangun sebagai satu kebebasan dan hak mutlak mereka. Kerana menjual maklumat, sesuatu yang negatif adalah berita terbaik kepada mereka. Media asing melihat segala peristiwa atau isu yang dipaparkan itu mesti penuh dengan pelbagai persoalan. Lantaran itu, maklumat yang mahu disebarkan wajib bercirikan krisis, saingan, konfrontasi, konflik dan maha sensasi. Berita buruk perlu mengatasi berita positif kerana mereka percaya maklumat seperti itulah yang mahu diketahui ramai. Kebenaran bukan lagi menjadi matlamat utama walaupun ia selalu dilaung-laungkan. Berita penting yang bermanfaat sengaja diabaikan. Media asing juga akan lebih memberi tumpuan kepada maklumat yang boleh membentuk pendapat yang sealign dengan agenda mereka. Tafsiran mereka mengenai hak dan kebebasan di negara membangun - siapa yang berkuasa mesti terus dipersalahkan manakala yang menentang diberi sokongan. Mereka konsisten mempertahankan dasar itu.

Menjelang pilihan raya umum 29 November ini, media asing sudah mula menabur tuba. Selain memberi liputan meluas kepada parti pembangkang yang menyatakan rasa tidak puas hati terhadap tempoh kempen kali ini, media asing menabur bibit seolah-olah huru-hara mungkin berlaku. Memutarbelitkan kenyataan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebelum ini, laporan mereka menggambarkan rakyat semakin bimbang akan berlaku kacau-bilau menjelang pemilihan kali ini. Orang tertentu sengaja diminta membuat ulasan mengenai ramalan mereka itu bagi memperkuat keyakinan pembaca terhadap berita yang dipaparkan. Individu yang dipilih untuk memberi kenyataan berkenaan biasanya adalah golongan yang menentang dasar kerajaan. Tentunya, apabila ulasan itu datang daripada pemimpin pembangkang, mereka membuat kenyataan bercanggah dengan hasrat kerajaan. Mereka cuba memalukan kerajaan kerana dengan cara ini pembangkang mendapat manfaat politik. Pasti jika media asing bertanya kepada individu yang kecewa, mereka akan menerima jawapan negatif mengenai negara ini. Lantas, apabila berita seperti ini disebarkan, ia akan menampilkan Malaysia seperti berada dalam keadaan tidak tenteram. Bagi pembaca asing yang tidak mengenali tokoh yang diwawancara media asing itu, pastinya berpendapat individu berkenaan seolah-olah mewakili pandangan majoriti rakyat. Hakikatnya mereka ini hanya mewakili golongan terpinggir atau tokoh serpihan yang ditolak masyarakat kerana tidak lagi mempunyai kewibawaan.

Keadaan huru-hara di Malaysia memang sentiasa diidami oleh media cetak dan media elektronik asing. Mereka begitu dahaga dan tidak sabar lagi untuk melaporkan berlakunya kacau-bilau di Malaysia sepanjang kempen pilihan raya dan pada hari mengundi. Mereka berjaya memberi gambaran amat buruk mengenai keadaan di Indonesia dan mahu melanjutkan pula suasana demikian di negara ini. Jika tercetus, siaran televisyen dan akhbar mereka akan dapat menarik tumpuan seluruh masyarakat dunia. Disebabkan mereka berniaga menerusi sumber berita, dari aspek komersil, pemberitaan demikian inilah yang boleh menguntungkan. Itulah sebabnya, sebagai pembuka tirai, mereka begitu galak berusaha menonjolkan laporan berbentuk krisis, kebimbangan dan perasaan tidak puas hati masyarakat di Malaysia menjelang pilihanraya kali ini. Harapan mereka, jika berlaku kacau-bilau, media massa asing akan dilihat dunia sebagai tepat membuat ramalan dan terus mendapat tempat di hati penonton dan pembaca. Sebaliknya, jika yang diidamkan itu tidak berlaku, mereka melenyapkannya sahaja dan pantas

mencipta isu baru untuk memanipulasikan laporan seterusnya.

Kita akui ledakan teknologi maklumat yang dipelopori Barat sukar dibendung lagi berikutan pelancaran satelit dan perluasan kuasa gergasi media asing hingga ke Asia. Mereka memberi alasan globalisasi memungkinkan segala-galanya, di samping meyakinkan kebenaran teori "global village". Namun, kebenaran dan kesan dengan arah maklumat mereka tidak semudah itu diterima rakyat. Kita mempunyai corak pemikiran sendiri berasaskan sistem budaya yang amat kukuh. Memang daripada beberapa peristiwa dunia, media asing terbukti menjadi ejen mempercepatkan proses penukaran kerajaan, menjatuhkan pemimpin dan menjadikan sesebuah kerajaan tidak stabil. Tetapi sikap tegas dan konsisten rakyat menolak laporan media asing sudah lama terpahat. Rakyat Malaysia yang prihatin tidak akan mudah dikaburi dengan corak imperialisme budaya berbentuk baru ini.

(END)